

30 JAN 2002

MENTERI SETUJU TANDATANGANI SURAT AKUJANJI

PUTRAJAYA, 30 Jan (Bernama) -- Semua menteri kabinet hari ini bersetuju menandatangani surat akujanji seperti yang disyaratkan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagai ikrar untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada kerajaan dan negara.

Beberapa menteri yang ditemui selepas mesyuarat mingguan kabinet di Jabatan Perdana Menteri di sini mengesahkan bahawa jemaah menteri sebulat suara bersetuju agar setiap anggotanya menandatangani surat ikrar itu.

Persetujuan itu dicapai setelah cadangan mengenainya dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk perbincangan, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid.

"Bagaimanapun soal bila anggota kabinet menandatangani surat akujanji itu terserah kepada pihak pentadbiran," katanya kepada pemberita di sini.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil turut mengesahkan perkara itu tetapi kedua-duanya juga tidak dapat menyatakan tarikh bagi menandatangani surat itu.

Isnin lepas, Dr Mahathir berkata beliau akan mencadangkan supaya anggota kabinet turut menandatangani surat akujanji itu seperti yang dilakukan oleh kakitangan awam.

-- BERNAMA  
AKT ZS MAI